


INFO

Tip bantu tingkat daya tumpuan anak di peringkat usia pertengahan

- Buat jadual rutin harian untuk belajar bersama-sama dengan anak, tapi bukan anda yang menentukannya
- Sediakan persekitaran kondusif untuk anak belajar; suasana yang tenang (Misalnya, janganlah depan televisyen), perabot yang sesuai (bukan belajar atas sofa dan sebagainya).
- Tentukan masa yang diperlukan untuk menyiapkan sesuatu aktiviti (letak jam di depannya). Ini bagi melatih anak berdisiplin, tetapi pastikan tidak melebihi sejam untuk satu-satu kerja bagi anak seusianya.
- Pastikan sesuatu tugasan berikan tumpuan bersesuaian dengan umur dan tahap pemikirannya.
- Jika anak dapat menyiapkan kerjanya lebih awal atau tepat pada masanya, berikan pujian atau ganjaran kerana usaha dan tumpuan diberikan terhadap tugasannya itu. Jika sebaliknya, berhenti selepas sejam dan beri anak peluang serta masa yang lain untuk menumpukan perhatian terhadap kerjanya.
- Pastikan anak tidak lapar ketika membuat kerjanya dan pastikan juga anak tidak mengambil makanan berat sebelumnya, kerana boleh menyebabkan rasa mengantuk dan keletihan.

# Padah tengking

Herdik anak akan menjejaskan lagi tumpuan si kecil



**?** ANAK saya lima di Tahun Empat dan mengalami masalah tumpuan dalam pelajaran. Untuk makluman doktor saya dengan tumpukan masalah tersebut di Tahun Satu dan Dua, saya turut membanta sama mengajar. Contohnya, apabila saya mengajarinya huruf A, dia dapat mengeja saya dengan elok. Tetapi apabila saya teruskan dengan huruf B dan memintanya mengulangi dia tidak ingat. Akibatnya, dia boleh pula mengingati apabila dibengkok. Masalahnya tetap sama biarpun saya berfikir untuk memberi pelbagai makanan tambahan. Ibu Rizau

Bersama  
**Dr Mastura Badzis**

**UDANI CARPETS**  
LOKASI DI CHOW KIT

**HARGA BORONG**

**KARPET BLACK ROSE**

- ◆ 2' X 8' - RM140
- ◆ 4' X 6' - RM150
- ◆ 6' X 8' - RM300
- ◆ 7' X 10' - RM550

\*TILAM, CADAR, PINGGAN MANGKUK, CARPET SEJADAH DAN LAIN-LAIN UNTUK DIHABISKAN.

**TUTUP HARI AD**

NO. 393, JALAN TUNKU ABDUL RAHMAN  
50100 KUALA LUMPUR. (CHOW KIT)

03-2698 1962 • 03-2698 4257  
www.udanicarpets.com.my

Ibu bapa anak-anak yang bersekolah sering didengar merungut mengenai sikap anak mereka yang dikatakan sukar 'duduk diam', fokus dan menumpukan perhatian terhadap pelajarannya terutama ketika membuat persiapan menjelang peperiksaan atau menyiapkan kerja sekolah. Kanak-kanak yang dikenal pasti sebagai pendek daya tumpuannya sering dilihat sukar menjadi pendengar yang baik dan tidak sabar menunggu giliran untuk bercakap apabila orang lain sedang bercakap. Dia juga sukar untuk kembali menyiapkan tugasannya andai terganggu kerana sesuatu perkara.

Apa yang perlu difahami, keupayaan seseorang anak menumpukan perhatian terhadap pelajaran atau aktiviti yang dilakukannya adalah berkait rapat dengan usia dan peringkat perkembangannya. Keupayaan memberi tumpuan akan meningkat dengan bertambahnya usia iaitu purata dua hingga lima menit bagi setiap tahun. Suatu perkara yang biasa bagi kanak-kanak berusia dua tahun hanya boleh duduk diam dalam tempoh dua hingga tiga minit dan 15 minit bagi kanak-kanak

lima tahun. Kanak-kanak berusia 10 tahun biasanya boleh memberikan tumpuan dalam tempoh antara 30 minit hingga sejam. Itu pun bergantung kepada kesesuaian sesuatu aktiviti dengan peringkat umurnya, sejauh mana apa yang dilakukannya itu menarik minatnya dan sejauh mana persekitaran tempat dia melakukan 'tugasannya' itu dapat membantunya memberikan tumpuan. Secara semula jadi, kanak-kanak akan memberikan tumpuan yang lama jika perkara itu menarik

**ANDA** ada masalah dengan anak? Kongsi masalah bersama Pakar Perkembangan Pendidikan Kanak-Kanak yang juga Penolong Profesor di Institut Pendidikan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Dr Mastura Badzis. Hantar soalan anda ke e-me: [bhnita@bharian.com.my](mailto:bhnita@bharian.com.my) atau melalui pos di alamat Unit Ratu, Berita Harian, 31, Jalan Riong, 59100 Bangsar, Kuala Lumpur.

minatnyanya dan dia sendiri yang memilih untuk melakukannya. Sebagai contoh, anak yang dikatakan nakal dan tidak tahu duduk diam walaupun untuk tempoh tiga minit, boleh menumpukan perhatian dengan duduk diam dalam almari selama 10 minit ketika bermain sorok-sorok kerana dia sendiri yang berminat dan memilih untuk melakukannya! Bantuan, dorongan dan sikap toleransi ibu bapa dan guru adalah penting bagi membantu anak memberi tumpuan terhadap apa yang dilakukannya. Anak akan lebih memberi tumpuan jika dia diberi peluang memilih sendiri apa yang perlu dilakukannya dan seronok dengan pilihan berkenaan. Ia berkait rapat dengan membangkitkan kesedaran mengenai tanggungjawab diri seperti yang pernah saya jelaskan dalam keluaran 3 April lalu. Anak juga akan memberikan tumpuan yang lebih jika ibu bapa membantu dan membimbing apa dilakukannya, bukan mengherdik atau memarahi kerana perkakuan itu, sebaliknya menjadikannya

lebih cepat hilang tumpuan. Apa yang penting, bimbangkan anak itu supaya dia melihat belajar itu suatu rutin dengan memberinya peluang memilih sendiri masa yang sesuai. Perlu diingat, setiap anak adalah berbeza. Ada yang boleh tumpu perhatian dengan baik jika belajar pada waktu awal pagi dan ada juga yang serasi belajar pada waktu malam. Kebolehan anak memberikan tumpuan ada batasannya. Tempoh sejam adalah paling lama bagi kanak-kanak seusianya. Apabila dia sudah mula menumpukan perhatian sewaktu memulakan 'sesi' belajarnya, pastikan tiada perkara atau persekitaran yang boleh mengganggu tumpuannya kerana ia akan menyebabkannya sukar untuk kembali menumpukan perhatian. Jika usaha ini dilakukan sebaik mungkin, tetapi puan masih mendapati si anak masih lagi senang hilang tumpuan, perkara berikut perlu diberi perhatian. Ini termasuk kemungkinan anak dalam keadaan stres, jiwa tidak tenteram atau tidak sihat fizikal. Kemungkinan juga anak terlalu lelah, jadi usah dipaksa dan yang tidak kurang pentingnya juga ialah faktor pemakanan. Jika anak belajar dalam keadaan lapar juga boleh menjejaskan tumpuannya.